

BUTIRAN BICARA
YB TUAN ANTHONY LOKE SIEW FOOK, MENTERI
PENGANGKUTAN
PENGUMUMAN MKBF DI MAJLIS RUMAH TERBUKA
AIDILFITRI KUMPULAN PRASARANA 2023

Tarikh	:	15 Mei 2023 (Isnin)
Masa	:	1.00 – 1.30 tengahari

Salutasi

- Yang Berbahagia Tan Sri Jamaludin bin Ibrahim,
Pengerusi Kumpulan Prasarana
- Yang Berusaha Encik Azharuddin Mat Sah,
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Prasarana
- Barisan Kepimpinan Kanan Rapid Rail dan Rapid
Bus
- Rakan - rakan media yang dihormati
- Hadirin sekalian

Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

1. Pada bulan April lepas, saya telah memaklumkan bahawa Prasarana akan menerbitkan laporan mengenai MKBF iaitu Min Kilometer Antara Kegagalan atau *Mean Kilometer Between Failures* bagi perkhidmatan trennya untuk tatapan orang ramai.
2. Laporan ini sememangnya disediakan oleh Prasarana pada setiap bulan dan diserahkan kepada Kementerian untuk semakan. Namun kini, Kementerian bersama Prasarana akan memaparkan laporan tersebut dalam talian untuk rujukan umum.
3. Selain MKBF, Prasarana juga akan menyediakan maklumat terkini mengenai bilangan penumpang, faktor perjalanan, serta keadaan kemudahan awam di semua stesenya pada setiap minggu atas semangat ketelusan dan akauntabiliti di bawah

Kerajaan Perpaduan.

4. Laporan ini, yang menjadi sebahagian daripada Petunjuk Prestasi Utama atau KPI untuk Prasarana, merupakan suatu kaedah penilaian secara telus terhadap kemampuan tren LRT, MRT dan Monorail untuk bergerak tanpa mengalami sebarang kerosakan serta gangguan teknikal untuk suatu tempoh tertentu.
5. Saya telah meminta Prasarana untuk mendedahkan maklumat ini kepada umum secara berkala supaya Prasarana dapat dilihat oleh para pengguna awam sebagai sebuah organisasi yang berusaha untuk menyediakan perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih baik dan berkesan.
6. MKBF ialah istilah industri yang diterima secara meluas di seluruh dunia untuk mengukur kebolehpercayaan sistem rel bandar. Beberapa penyedia perkhidmatan rel utama serantau seperti SMRT Trains Ltd di Singapura menerbitkan data

penanda aras penting ini setiap bulan kepada pihak berkepentingan mereka.

7. Prasarana perlu meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka dengan ketara dan Kementerian telah menetapkan suatu tahap yang tinggi kepada pengurusan untuk mencapai angka MKBF yang lebih selari dengan pengendali rel di rantau ini.
8. Pada masa ini, pencapaian Prasarana masih belum sampai tahap *world standard* yang mana MKBF bagi LRT Laluan Kelana Jaya, sebagai contoh, adalah sejauh 150,000 kilometer. Sebagai komitmen syarikat untuk terus memperbaiki prestasi operasinya, saya telah dimaklumkan bahawa Prasarana telah menetapkan sasaran MKBF satu juta kilometer perjalanan menjelang suku ketiga 2026.
9. Dengan memperkenalkan pendekatan baharu pengemaskinian MKBF secara telus setiap bulan ini serta hasil penelitian dan maklum balas awam,

saya yakin Prasarana akan dapat mencapai sasaran MKBF secara berperingkat terutamanya dengan pengenalan koc-koc tren baharu menjelang bulan Ogos dan memastikan kerja-kerja baikpulih serta penukaran alat ganti untuk tren-tren yang sedia ada dilakukan mengikut jadual penyelenggaraan.

10. MKBF ini juga membantu Prasarana untuk menjadi sebuah syarikat yang memacu keunggulan prestasi, menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan, serta mempersiapkan tenaga kerja untuk keperluan masa depan.

11. Kerajaan sentiasa terbuka untuk menerima maklum balas orang ramai dan kami sedar bahawa terdapat banyak aduan daripada pengguna berkaitan dengan kebolehpercayaan perkhidmatan rel dan bas kami. Diakui, sistem dan perkhidmatan pengangkutan awam yang sedia ada di negara ini perlu dipertingkatkan bagi memenuhi harapan serta

jangkaan pengguna yang sentiasa meningkat.

12. Saya ingin memberi jaminan bahawa, Kerajaan bertekad untuk memberikan sokongan terbaik yang mungkin kepada Prasarana untuk meningkatkan perkhidmatan dan keselesaan orang ramai serta menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat - dari golongan B40 hingga ke T20 – untuk menggunakan perkhidmatan LRT, MRT serta bas untuk perjalanan seharian mereka supaya kesesakan lalu lintas dan *carbon footprint* di negara ini dapat dikurangkan.

13. Memandangkan 75 peratus daripada rakyat Malaysia bermastautin di wilayah bandar, memiliki sistem pengangkutan awam yang boleh dipercayai adalah penting. Golongan berpendapatan rendah di bandar khususnya akan paling terkesan tanpa sistem pengangkutan awam yang boleh dipercayai, yang akan turut menyukarkan mereka untuk maju dari segi ekonomi.

14. Itulah sebabnya kita mesti berusaha lebih gigih dan lebih baik untuk berkhidmat kepada rakyat dengan semangat ketelusan dan keterbukaan yang terbaik. Hanya dengan kritikan membina daripada pihak berkepentingan kami yang paling penting – iaitu rakyat Malaysia – mampu Prasarana untuk menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia.

15. Untuk keterangan lanjut mengenai MKBF, saya menjemput Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasara, Encik Azharuddin Mat Sah untuk mengongsikan maklumat terkini berkaitan MKBF di Prasarana. Dipersilakan.